

Headline	70 peratus pelatih SL1M dapat pekerjaan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	18 Apr 2018	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Dlm Negeri	Page No	7
ArticleSize	255 cm ²	Journalist	NURAZLINA
PR Value	RM 10,059		



70 peratus pelatih SL1M dapat pekerjaan

Oleh **SITI NURAZLINA JAMALUDIN**
utusan kedah@utusan.com.my

ALOR SETAR 17 APRIL - Kira-kira 70 peratus pelatih Skim Latihan 1Malaysia (SL1M) kelolaan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (JPM) mendapat pekerjaan selepas tamat latihan sejak program itu diperkenalkan pada 2011.

Ketua Sekretariat SL1M, Norashikin Ismail berkata, pihaknya bersedia membantu mana-mana pelatih yang gagal mendapat pekerjaan selepas tamat latihan sehingga mereka mendapat kerja tetap mengikut kelayakan masing-masing.

"Sekiranya (pelatih SL1M) gagal mendapat pekerjaan selepas tamat latihan, mereka boleh datang balik ke program SL1M dan kita akan bantu sehingga mereka mendapat pekerjaan.

"Jadi tiada masalah kerana daripada SL1M TNB (Tenaga Na-

sional Berhad) ke SL1M Petronas atau ke SL1M Maybank kerana setiap kos ditanggung sepenuhnya oleh syarikat itu sendiri," katanya kepada pemberita selepas perasmian program Temu Duga Terbuka SL1M 2018 Peringkat Zon Utara di sini baru-baru ini.

Dalam program dua hari yang membabitkan kira-kira 45 buah syarikat itu, lebih 9,000 peluang pekerjaan dan latihan ditawarkan kepada pencari kerja di Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Perlis tanpa mengira kelulusan dan latar belakang.

Selain menawarkan peluang pekerjaan dan latihan, program Temu Duga Terbuka SL1M Peringkat Zon Utara ini turut membawa penampilan istimewa artis seperti Faizal Tahir, Kumpulan Zero, Wings, Khalifah, Drama Band, Monoloque, Pesawat, Kugiran Masdo, Floor88, Payslip, Atmosfera Band, Ali Puteh Ma-

haraja Lawak Mega dan CK Faizal bagi sesi motivasi dan berhibur bersama selebriti.

Dalam program yang berkolaborasi dengan Grab Car untuk diskaunkan pengangkutan sebanyak RM6 itu, turut diadakan pertunjukan oleh juara kejohanan FIM Asia Supermoto iaitu Gabit atau nama sebenarnya Muhammad Habibullah Mohd. Saleh dan *trail biker stuntmen* selain gerai jualan dan jualan asas tani.

Menurut Norashikin, biasanya mana-mana peserta yang gagal mendapat pekerjaan selepas tamat latihan SL1M adalah disebabkan mereka mempunyai masalah sikap.

Tambahnya, seramai 144,440 peserta telah dibantu melalui penglibatan secara langsung dan tidak langsung dalam program SL1M sehingga Disember lalu.

Dalam perkembangan lain, Pengurus Perancangan Korporat Boustead Holding Berhad,

Mohd. Najib Mohd. Seth memberitahu, pihaknya pertama kali menyertai program Temu Duga Terbuka SL1M dengan mengadakan pemeriksaan kesihatan asas percuma membabitkan Skwad Operasi Sihat 1Malaysia Boustead (SOS 1Malaysia Boustead).

"Ini program CSR (tanggungjawab sosial korporat) pertama kita dalam program SL1M. SOS 1Malaysia Boustead ini memberi peluang kepada orang ramai yang berumur 18 tahun ke atas untuk membuat pemeriksaan komposisi badan, tekanan darah, glukosa darah, ukuran ketinggian serta rundingan kesihatan secara percuma.

"Ternyata program yang melibatkan sukarelawan Boustead Holding ini ternyata mendapat sambutan menggalakkan apabila kira-kira 800 pengunjung datang ke sini untuk membuat pemeriksaan kesihatan asas dalam tempoh dua hari ini," ujarnya.